

NO SOALAN :38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2015

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa langkah yang sedang diambil untuk memulihkan nilai tukaran mata wang Malaysia yang kian susut berbanding negara-negara perdagangan utama seperti Amerika Syarikat, Singapura dan China meskipun Kerajaan kerap mengatakan fundamentals ekonomi Malaysia masih utuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, nilai ringgit menyusut berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2015. Ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau secara amnya berada pada trend merosot disebabkan oleh pengkuhan dolar AS berikutan data ekonomi AS yang bertambah baik dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan keimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjelaskan prestasi mata wang serantau. Tambahan pula, ringgit mengalami penurunan lebih ketara dalam tempoh tersebut disebabkan kejatuhan harga komoditi dunia dan faktor tempatan. Dalam tempoh Januari hingga September 2015, ringgit menyusut 21.4% berbanding dolar AS, yen Jepun (-21.1%), paun sterling (-19.3%), dan euro (-15.1%). Ringgit juga menyusut nilai dalam lingkungan 7.3% - 19.4% berbanding mata wang serantau lain. Walau bagaimanapun, ringgit telah mula menunjukkan peningkatan pada bulan Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dalam menguruskan pergerakan harian ringgit, Kerajaan sentiasa memantau secara terperinci jumlah dan jenis aliran keluar oleh pemastautin dan juga bukan pemastautin. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha mengurangkan kesan aliran keluar ke atas nilai ringgit. Ini termasuk melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan syarikat berkaitan Kerajaan untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing. Syarikat berkaitan Kerajaan juga dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan untuk membuat pelaburan di luar negara. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pasaran bon Malaysia juga kini merupakan antara pasaran bon terbesar di rantau Asia, selepas Korea dan Jepun. Pasaran bon dalam mata wang tempatan yang aktif ini telah membantu memastikan risiko dedahan terhadap pergerakan mata wang berada pada tahap yang minimum.

4. Usaha yang berterusan untuk mengembangkan pasaran bon dalam mata wang tempatan, telah turut membantu syarikat-syarikat dalam menguruskan dedahan mereka terhadap turun naik mata wang asing dan risiko yang berkaitan. Ini telah mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada sektor perbankan. Pengumpulan rizab sejak tempoh pasca-Krisis Kewangan Global merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk membina penampang terhadap jangkaan wujudnya tempoh tekanan pada masa akan datang. Penampang ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi turun naik berlebihan kadar pertukaran pada tempoh kebalikan modal (*capital reversals*) pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang

teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

6. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur, termasuk mengekalkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan konsolidasi fiskal. Di samping itu, memastikan pertumbuhan permintaan pelaburan dan kepenggunaan dalam negeri berterusan dengan mengutamakan perbelanjaan pembangunan yang mempunyai nilai penggandaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Dengan langkah strategik yang dinyatakan di atas, saya yakin mata wang negara akan berada di landasan yang kukuh.